

**Oleh Presiden  
Henry B. Eyring**  
Penasihat Pertama di  
dalam Presidensi Utama



# Dipanggil oleh Tuhan dan Didukung oleh Orang

**S**ebagai ahli-ahli Gereja, kita selalu dijemput untuk mendukung orang dalam panggilan untuk melayani. Banyak tahun lalu seorang pelajar yang berumur 18 tahun menunjukkan saya apakah ertinya untuk mendukung hamba-hamba Tuhan. Saya masih diberkat oleh teladannya yang rendah hati.

Dia baru memulakan tahun pertama di universiti. Dia dibaptiskan kurang daripada satu tahun sebelum dia meninggalkan rumah dan bermula pengajarannya di universiti yang besar itu. Saya melayani sebagai uskupnya di situ.

Pada permulaan tahun itu, saya menemuduga dia dengan ringkasnya dalam pejabat uskup. Saya mengingat sedikit tentang perbualan pertama itu kecuali dia berucap tentang cabaran-cabarannya di suatu tempat baru, tetapi saya tidak akan melupakan perbualan kami yang kedua.

Dia meminta untuk berjumpa dengan saya dalam pejabat saya. Saya berasa hairan bila dia berkata, "Bolehkah kita berdoa bersama, dan bolehkah saya mengucapkan doa itu?" Saya hampir-hampir hendak berkata bahawa saya sudah berdoa dan berharap dia sudah buat demikian juga. Sebaliknya saya bersetuju.

Dia memulakan doanya dengan satu kesaksian bahawa dia tahu uskup dipanggil oleh Tuhan. Dia meminta Tuhan untuk memberitahu saya tentang perkara yang harus dia lakukan yang akan mendatangkan akibat rohani yang besar. Pemuda itu memberitahu Tuhan dia berasa pasti bahawa uskup sudah mengetahui keperluan-keperluannya

dan akan berikan dia nasihat yang dia perlu dengar.

Semasa dia berdoa, kebahayaan-kebahayaan tertentu datang ke minda saya. Nasihat itu mudah sahaja tetapi ia diberikan dengan jelasnya: selalu berdoa, mematuhi perintah-perintah, dan jangan takut.

Pemuda itu, hanya ahli Gereja selama satu tahun, mengajar saya dengan teladannya tentang perkara yang boleh Tuhan lakukan dengan seorang pemimpin bila pemimpin itu didukung oleh iman dan doa dari mereka yang dia dipanggil untuk memimpin. Pemuda itu menunjukkan saya tentang kuasa undang persetujuan umum dalam Gereja (lihat A&P 26:2). Walaupun Tuhan memanggil hamba-hamba-Nya melalui wahyu, mereka hanya boleh berfungsi selepas didukung oleh orang yang mereka dipanggil untuk melayani.

Dengan undi dukungan kita, kita buat perjanjian yang serius. Kita berjanji untuk berdoa demi hamba-hamba Tuhan dan supaya Dia akan memimpin dan memperkuat mereka (lihat A&P 93:51). Kita bersumpah bahawa kita akan mencarikan dan berharap untuk berasa ilham dari Tuhan dalam nasihat mereka dan bila-bila pun mereka bertindak dalam panggilan mereka (lihat A&P 1:38).

Perjanjian itu perlu selalu diperbaharui dalam hati kita. Guru Sekolah Hari Ahad anda akan cuba untuk mengajar dengan Roh, tetapi seperti anda, guru anda mungkin boleh buat kesilapan di hadapan kelas. Tetapi, anda boleh berputus dan mencarikan saat-saat bila

anda boleh berasa ilham sudah datang. Akhirnya anda akan memerhati lebih kurang kesilapan dan lebih banyak bukti-bukti bahawa Tuhan mendukung guru itu.

Bila kita menaikkan tangan untuk mendukung seseorang, kita buat komitmen untuk bekerja demi apa-apa tujuan Tuhan orang itu dipanggil untuk mencapai. Bila anak-anak kami masih kecil, isteri saya dipanggil untuk mengajar kanak-kanak kecil dalam bahagian kami. Saya tidak hanya menaikkan tangan untuk mendukung dia, tetapi saya juga berdoa bagi dia dan memintakan kebenaran untuk menolong dia. Pelajaran-pelajaran yang saya terima tentang penghargaan terhadap perkara yang dilakukan oleh para wanita dan tentang kasih sayang Tuhan terhadap kanak-kanak masih memberkati kehidupan keluarga saya dan kehidupan saya.

Baru-baru ini saya berucap dengan pemuda itu yang mendukung uskupnya banyak tahun lalu. Saya belajar bahawa Tuhan dan ahli Gereja sudah mendukungnya dalam panggilannya sebagai seorang mubaligh, seorang presiden pancang, dan seorang bapa. Dia berkata pada akhir perbualan kami, "Saya masih berdoa bagi anda."

Kita boleh berazam untuk berdoa setiap hari bagi seseorang yang dipanggil oleh Tuhan untuk melayan kita. Kita boleh mengucapkan terima kasih kepada seseorang yang sudah memberkat kita dengan pelayanannya. Kita boleh menyumbang bila seseorang yang kita sudah dukung mintakan sukarelawan.<sup>1</sup>

Mereka yang menyokong para hamba Tuhan dalam kerajaan-Nya akan didukung oleh kuasa-Nya yang tiada banding. Kita semua perlukan berkat itu.

#### NOTA

1. *Teachings of Presidents of the Church: Joseph F. Smith* (1998), 211–12.

### MENGAJAR DARI PESANAN INI

Selepas mengongsikan pesanan ini, bertimbang untuk membacakan petikan berikut: "Tuhan akan jadikan anda alat dalam tangan-Nya jika anda berendah hati, beriman, dan tekun. . . . Anda akan menerima kekuatan tambahan bila anda didukung oleh jemaah Gereja dan ditahbiskan" (*Teaching, No Greater Call* [1999], 20). Mintakan keluarga untuk berkumpul di sekitar satu objek yang berat dan minta satu orang untuk cuba

mengangkat objek itu. Tambahkan satu orang demi satu orang, dengan menjemput ahli keluarga lain untuk menolong mengangkat objek berat itu. Berbincang tentang apa yang berlaku bila setiap orang menolong. Bertimbang untuk menekan nasihat Presiden Eyring tentang cara yang praktikal kita boleh mendukung orang lain dalam panggilan mereka.

## REMAJA

### Berterima Kasih kepada Guru Sekolah Hari Ahad Saya

Nama Samaran

**K**elas Sekolah Hari Ahad saya tidak sentiasa takzim. Saya suka mendengar pengajaran setiap minggu, tetapi ada masanya orang lain dalam kelas saya tidak ternampak begitu. Mereka selalu berbual-bual atau bermain permainan elektronik bila guru kami cuba mengajar kami. Malangnya, kadang-kala saya sebahagian masalah itu.

Pada satu hari Ahad kami lebih teruk dari biasa, dan sampai ketamatan kelas, guru kami menangis kerana tiada ada seorang pun hendak mendengari pengajarannya. Semasa kami meninggalkan kelas, saya berasa sedih bagi guru itu.

Pada minggu seterusnya, guru kami menjelaskan bahawa dia sudah banyak berdoa sepanjang minggu itu, mencarikan bimbingan, dan dia menyedari bahawa dia perlu menunjukkan kami satu wayang Gereja. Dia mulakan wayang itu, yang mengenai hidup Yesus Kristus dan mukjizat yang Dia lakukan.

Bila saya merenung tentang wayang itu pada malam itu, saya berasa sesuatu yang berbeza. Tiba-tiba saya menyedari bahawa saya berasa Roh, lebih dari yang pernah saya rasai. Dengan segeranya saya berputus bahawa saya hendak membuatkan perubahan dalam hidup saya untuk menjadi lebih seperti Juruselamat, dan saya menyedari bahawa pengalaman pada Sekolah Hari Ahad hari itu memperkuat kesaksian saya. Saya bersyukur kepada guru Sekolah hari Ahad saya dan segala yang dia lakukan untuk kelas kami setiap minggu.



# Pengajaran Berkunjung— satu Tugas yang Kudus

*Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudara yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudara yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.*

**Iman, Keluarga, Pertolongan**

Sebagai para pengajar berkunjung, kita mempunyai satu misi rohani yang penting untuk ditunaikan. “Uskup, seorang gembala bahagian yang ditahbiskan, tidak mampu menjaga semua domba Tuhan pada satu masa yang sama. Dia bergantung pada para pengajar berkunjung yang berilham untuk menolong dia.”<sup>1</sup> Adalah penting untuk mencari dan menerima wahyu tentang siapakah yang harus ditugaskan untuk mengawasi setiap saudara.

Inspirasi bermula bila ahli-ahli presidensi Lembaga Pertolongan berbincang dengan berdoa tentang keperluan-keperluan individu dan keluarga. Kemudian, dengan keizinan uskup, presidensi Lembaga Pertolongan memberikan tugas itu dalam cara yang dapat menolong para saudara untuk memahami bahawa pengajaran berkunjung adalah satu tanggungjawab kerohanian yang penting.<sup>2</sup>

Dengan ikhlasnya para pengajar berkunjung dapat mengenali dan mengasihi setiap saudara, menolong dia untuk memperkuat imannya, dan memberi pelayanan bila perlu. Mereka

mencari inspirasi peribadi untuk mengetahui cara untuk membalas terhadap keperluan rohani dan keperluan jasmani setiap saudara yang mereka kunjungi.<sup>3</sup>

“Pengajaran berkunjung menjadi kerja Tuhan bila kita berfokus pada individu dan bukan peratusan. Dalam realiti, pengajaran berkunjung tidak akan habis. Ia adalah satu cara hidup dan bukan satu tugas.”<sup>4</sup>

### **Dari Tulisan Suci**

Matius 22:36–40;  
Yohanes 13:34–35; Alma 37:6–7

### **Dari Sejarah Kita**

Eliza R. Snow, presiden Lembaga Pertolongan kedua mengajar, “Saya menimbangkan jawatan seorang pengajar satu jawatan yang tinggi dan kudus.” Dia menasihati para pengajar berkunjung “untuk dipenuhi dengan Roh Tuhan, dengan kebijaksanaan, dengan kerendahan hati, dengan kasih sayang” sebelum mereka mengunjungi rumah saudara supaya boleh menentukan dan menemui keperluan-keperluan rohani

dan keperluan-keperluan jasmani. Dia berkata, “Anda mungkin diilham untuk mengucapkan kata-kata yang damai dan menyenangkan, dan jika anda mendapati seorang saudara yang berasa sejuk, peganglah dia ke hati anda seperti anda memeluk seorang kanak-kanak ke dada anda untuk memanaskannya.”<sup>5</sup>

Bila kita bermaju depan dengan beriman seperti para saudara Lembaga Pertolongan zaman awal, Roh Kudus akan bersama kita dan kita akan diilhamkan untuk mengetahui cara untuk menolong setiap saudara yang kita kunjungi. “Biarlah [kita] mencari kebijaksanaan dan bukan kuasa,” kata Sister Snow, “dan [kita] akan memiliki kuasa yang dapat [kita] lakukan dengan kebijaksanaan.”<sup>6</sup>

### **NOTA**

1. Julie B. Beck, “Relief Society: A Sacred Work,” *Liahona* Nov. 2009, 114.
2. Lihat *Handbook 2 Administering the Church* (2010), 9.5; 9.5.2.
3. Lihat *Handbook 2*, 9.5.1.
4. Julie B. Beck, *Liahona*, Nov. 2009, 114.
5. Eliza R. Snow, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 108.
6. Eliza R. Snow, dalam *Daughters in My Kingdom*, 45–46.

### ***Apa yang Boleh Saya Lakukan?***

**1.** Bagaimana saya boleh memperbaiki keupayaan saya untuk melaksanakan tanggungjawab saya sebagai seorang pengajar berkunjung?

**2.** Sebagai seorang pengajar berkunjung, bagaimana saya boleh menolong para saudari lain untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengajar berkunjung?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari [www.reliefsociety.lds.org](http://www.reliefsociety.lds.org).